



SIARAN AKHBAR

S.A. 2022/11/02_83 (HQ)

PRU15: HINDARI PASANG BAHAN KEMPEN DI PREMIS ATAU PEPASANGAN ELEKTRIK TNB

Tenaga Nasional Berhad (TNB) menasihatkan parti-parti politik agar tidak memasang apa jua bentuk bahan kempen di mana-mana premis dan pepasangan elektrik milik syarikat utiliti negara itu sepanjang tempoh berkempen bagi Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) bermula 5 November hingga 18 November 2022.

Larangan ini termasuklah menampal atau menggantung bahan-bahan kempen seperti poster, bendera dan sepanduk di menara penghantaran, tiang elektrik, peti pembekal, pencawang, tiang elektrik konkrit dan talian atas.

“Perbuatan ini boleh mengundang bahaya kerana berisiko mengakibatkan renjatan elektrik. Ia juga mungkin menyebabkan gangguan bekalan elektrik jika percikan arka (flashover) berlaku sehingga merosakkan harta benda bahkan mengancam nyawa,” kata Ketua Pegawai Rangkaian Pembahagian (*Chief Distribution Network Officer*) TNB, Wan Nazmy Wan Mahmood.

“Pemasangan bahan-bahan kempen tersebut juga boleh menghalang warga kerja TNB untuk mendapat akses untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan pemulihan bekalan.”

Wan Nazmy turut mengingatkan orang ramai agar tidak memegang, membawa atau memasang tiang bendera di bawah mana-mana talian penghantaran elektrik termasuk tiang bendera yang diperbuat daripada buluh yang boleh menyebabkan renjatan elektrik pada mereka yang berada berhampiran.

Menurutnya, aktiviti berbahaya ini juga menyalahi peruntukan Seksyen 37, Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447), iaitu merosakkan pepasangan elektrik. Sebagai langkah pencegahan, TNB, menerusi rondaan rutin, akan bekerjasama dengan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) dan pihak berkuasa untuk menurunkan bahan kempen pilihan raya yang berisiko menimbulkan bahaya dan masalah kepada pengguna.

Orang ramai yang ternampak situasi yang boleh mengancam keselamatan orang lain atau menjelaskan bekalan elektrik, boleh segera menghubungi Facebook TNB CareLine atau talian 15454 agar tindakan sewajarnya dapat diambil bagi mencegah perkara yang tidak diingini daripada berlaku.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 2 November 2022, jam 10:00 pagi


Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /

Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606

atau emel kami: media@tnb.com.my



Ketua Pegawai Rangkaian Pembahagian TNB (*Chief Distribution Network Officer*),
Wan Nazmy Wan Mahmood



Tenaga Nasional Berhad (TNB) menasihatkan parti-parti politik agar tidak memasang apa jua bentuk bahan kempen di mana-mana premis dan pepasangan elektrik milik syarikat utiliti negara itu sepanjang tempoh berkempen bagi Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) bermula 5 November hingga 18 November 2022.